

agro

■ ISNIN 14. 04. 14
■ UTUSAN MALAYSIA

Khasiat ikan haruan

Ikan haruan sering dilihat sebagai penawar kepada wanita bersalin tetapi pensyarah UPM, Prof Dr. Abdul Manan Jais berjaya menghasilkan produk berasaskan ikan tersebut untuk kesihatan

IKAN haruan secara umumnya diketahui akan fungsi dan keberkesannya dalam mengubati luka-luka dalaman terutama kepada wanita selepas bersalin. Sejak turun temurun lagi amalan perubatan menggunakan ikan haruan telah digunakan untuk membantu menyembuhkan luka selain meredakan penyakit berkaitan kulit seperti radang, gatal-gatal dan sebagainya.

>> Bersambung di muka 6 & 7



Mengenai ikan haruan

- Ikan haruan ialah sejenis ikan air tawar jenis karnivor dan merupakan spesies asli hutan hujan tropika.
- Boleh hidup dalam air payau dan biasa didapati di negara-negara rantau Asia Tenggara.
- Terbahagi kepada dua jenis iaitu bersaiz besar dinamakan Ikan toman (*Channa melanostoma*) dan yang kecil Ikan Haruan (*Channa striatus*).
- Terdapat 30 spesies ikan haruan di dunia dengan lapan jenis terdapat di Sarawak, dua di Sabah dan empat di Semenanjung Malaysia.
- Makanan utama ialah anak ikan kecil, anak katak, udang dan cacing.

POPULARITINYA meningkat tatkala hasil penyelidikan mendapati dagingnya mengandungi asid *Arachidonis* yang mampu menyembuhkan luka dalaman dengan cepat di samping kaya protein serta asid amino yang diperlukan untuk pertumbuhan badan.

Ikan haruan atau nama saintifiknya *Channa striatus* merupakan spesies air tawar karnivor yang dikategorikan sebagai antara haiwan popular di negara ini khususnya dalam bidang perubatan.

Seorang penyelidik di Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Manan Mat Jais yang tertarik dengan 'keajaiban' ikan haruan telah bertindak mengetuai sepasukan penyelidik dalam usaha menggunakan ekstrak ikan tersebut bagi tujuan saintifik dan perubatan.

Mengenengahkan konsep produk semula jadi, Abdul Manan bekerja keras menghasilkan krim sapuan pelbagai fungsi menggunakan air (*water based*) sebagai asas intipati krim haruan tersebut.

Mencampurkan beberapa tumbuhan organik, rempah ratus serta pewarna dan bau berasaskan

SELAIN krim dan tonik, penggunaan haruan turut diperluas ke produk penjagaan diri dan kegunaan harian menerusi penyelidikannya sebelum ini.

SCRUB OIL

DR. Abdul Manan Mat Jais menunjukkan produk krim ikan haruan hasil penyelidikannya di UPM, Serdang.



Minuman

tonik haruan

TIDAK menolak keberkesanan ikan pemangsa itu dalam menyembuh sistem imunisasi badan manusia, Prof. Dr. Abdul Manan Jais turut menghasilkan formulasi khusus mengandungi ekstrak haruan sebagai bahan aktif dan bioaktif.

Diperkenalkan sebagai *Haruan Manan*, inovasi serta kreativiti tersebut diasaskan daripada sifat semulajadi bahan kimia yang terdapat pada haiwan karnivor itu yang mampu mempercepatkan penyembuhan luka.

Selain itu, ekstraknya juga mampu mengurangkan sakit, menyembuhkan radang dan inflamasi di samping merencat sekali gus mematin beberapa spesies bakteria patogenik terutamanya *Staphylococcus aureus*.

Menurut Abdul Manan, inovasi yang dihasilkan sebagai minuman kesihatan yang sesuai bagi semua peringkat umur kerana kandungannya tanpa steroid turut membantu dalam memulihkan tenaga selepas melakukan kerja-kerja berat sepanjang hari.

"*Haruan Manan* ini dipercayai mampu merawat ulcer mulut hasil kesan sampingan apabila pesakit barah menjalankan rawatan kimoterapi.

"Selain itu ia juga diformulasikan bagi merawat ulcer dalam salur usus (*gastrointestinal tract*) dan merencat pertumbuhan koloni bakteria *Helicobacter pylori* yang banyak menimbulkan permasalahan," katanya.

Walau bagaimanapun katanya, penggunaan tonik haruan ini dapat diimplementasi setelah didaftarkan di Kementerian Kesihatan dan menjalani ujian klinikal.

Justeru *Haruan Manan* diilhamkan sebagai produk bioperubatan yang kini sedang menjalani peringkat akhir analisa

untuk memastikan ciri-ciri keselamatan seperti kandungan keseluruhan bakteria (*total bacteria count*), kandungan logam berat, ketahanan di rak dan kesan toksisiti terjamin.

Bercerita lanjut mengenai penemuan tonik ini, Abdul Manan memberitahu, kandungan vitamin, antioksidan, mineral makanan (*dietary minerals*) dan profail kedua-dua asid amino-lemak merupakan perkara utama yang perlu dikenalpasti dalam usaha menjamin kualiti serta keberkesanan minuman tersebut.

Kesemua elemen tersebut menjadi kekuatan kepada bioperubatan produk sekali gus turut menjadi penanda aras apabila prototaip produk dihasilkan dikilang bertaraf Amalan Pengilangan Baik (GMP) seterusnya didaftarkan di Biro Kawalan Kebangsaan Farmaseutikal (NPCB) Kementerian Kesihatan.

Prototaip tersebut dijangka akan digunakan dalam masa terdekat manakala pelancarannya bakal diadakan akhir tahun ini.

PRODUK tonik daripada haruan.

IKAN haruan yang semakin mendapat tempat di hati pembeli ekoran khasiatnya yang dipercayai mampu menggalakkan penyembuhan luka dan boleh membantu mengurangkan sakit selepas pembedahan.

bagi menjamin tahap keselamatan serta diperakui sesuai untuk kegunaan semua lapisan masyarakat.

Menyentuh tentang manfaat produk penemuannya itu, Abdul Manan menjelaskan, hampir semua penyakit kulit menunjukkan tanda penyembuhan lebih cepat apabila disapukan krim tersebut.

Antara penyakit kulit yang dikatakan termasuk kurap, kayap dan juga luka kecil serta bengkak.

Selain itu katanya, hasil kajian menunjukkan asid arachidonic yang terkandung dalam isi ikan haruan amat bermanfaat dalam membantu proses penyembuhan penyakit kulit.

Berdasarkan kajian itu, isi ikan haruan turut disahkan mengandungi kesemua asid amino dan asid lemak yang bermanfaat untuk proses perubatan dan penyembuhan penyakit kulit.

"Krim haruan ini dikhususkan kepada pesakit kulit ekzema, psoriasis dan ruam di kalangan kanak-kanak dan dewasa selain mereka yang menghidap penyakit arthritis dan sendi.

"Namun masih banyak kajian yang perlu dilakukan sebelum pengesahan dapat dibuat berhubung khasiat ikan haruan terhadap penyembuhan penyakit kulit.

"Di samping itu turut mengambil kira adalah pandangan masyarakat terhadap produk, sumber bekalan ikan haruan serta langkah mengimport bekalannya sebelum proses mengkomersialkan dilakukan," tambahnya.

Ditanya mengenai pengkomersialan krim haruan itu, Abdul Manan memberitahu, setakat ini pihaknya hanya menjual kepada pesakit atau pengguna yang berminat sahaja.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan krim tersebut, boleh berhubung terus dengan Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM atau hubungi 03-89472334. - NOOR DIANA AZIS

PRODUK berasas haruan ini boleh didapati di Jabatan Sains Bioperubatan UPM.

alam semula jadi ke dalam campuran krim, penyelidik itu berjaya menghasilkan formulasi haruan yang boleh digunakan untuk membantu mengubati penyakit kulit.

"Produk berbentuk krim sapuan pelbagai fungsi ini telah menjalani ujian saintifik dan hasil daripada itu, saya mendapati bahawa ia memberi tindak balas yang positif serta progresif dalam proses pemulihan penyakit serta kecederaan di kulit.

"Menerusi analisis protein serta kajian terhadap vitamin lain yang terdapat pada isi dan kulit ikan haruan, maka saya menemukan potensinya sebagai penyembuh penyakit kulit dan luka," katanya ketika ditemui di UPM baru-baru ini.

Dalam usaha memastikan produk ini mendapat kepercayaan masyarakat, krim sapuan ini turut menjalani ujian klinikal